

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 FEBRUARY 2017

Sertai SL1M jika mahu projek kerajaan

BH- 22/2/2017

➔ Syarikat besar tersenarai di Bursa Malaysia perlu beri sumbangan semula kepada masyarakat: PM

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam mengingatkan syarikat besar yang tersenarai di Bursa Malaysia supaya menyertai program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) jika mahu mendapat kontrak kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, beliau akan mengarahkan Perbendaharaan menyenaraikan keperluan itu sebagai sebahagian prasyarat dalam memilih syarikat melaksanakan projek kerajaan.

“Jika mereka tak ambil bahagian dalam SL1M, peluang mereka juga ‘slim’ (tipis) untuk mendapat kontrak kerajaan.”

Sumbangan digalakkan

“Mereka perlu menyumbang semula kepada masyarakat. Sumbangan seperti ini adalah sesuatu yang amat digalakkan,” katanya.

Najib berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program temu duga terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) Peringkat Zon Tengah 2017 serta pelancaran buku dan sistem SL1M di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, sejak



Jika mereka tak ambil bahagian dalam SL1M, peluang mereka juga ‘slim’ (tipis) untuk mendapat kontrak kerajaan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

program itu dilancarkan pada 2011 sehingga kini, lebih 99,000 peserta berjaya mendapat pekerjaan.

Program peringkat Zon Tengah diadakan dua hari berakhir hari ini dan dikelolakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ia menawarkan lebih 25,000 jawatan kosong dan peluang latihan dengan pembabitan 111 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta.

SL1M yang mula dilancarkan pada 1 Jun 2011 adalah program kebolehpasaran, bertujuan membantu graduan meningkatkan keupayaan diri dan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran serta pengalaman bekerja.